

*Dasar Koleksi Bahan Audiovisual
Arkib Negara Malaysia*



KANDUNGAN

| PERKARA | MUKA SURAT |
|---|------------|
| 1. TUJUAN | 1 |
| 2. LATARBELAKANG | 2-3 |
| 3. PENYATAAN DASAR | 3 |
| 4. SKOP DASAR | 3 |
| 5. OBJEKTIF DASAR | 3-4 |
| 6. DEFINISI | 4 |
| 7. PUNCA KUASA | 4-7 |
| a. Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) | |
| b. Kertas Jemaah Menteri 14 Julai 1999 | |
| c. Akta Hakcipta 1987 (Pindaan 1997) | |
| 8. KOMPONEN DASAR | 7-8 |
| i. Teras Dasar 1: Pembangunan Koleksi Bahan Audiovisual | |
| ii. Teras Dasar 2: Pengurusan Koleksi Bahan Audiovisual | |
| iii. Teras Dasar 3: Pemeliharaan Bahan Audiovisual | |
| iv. Teras Dasar 4: Pengaksesan Bahan Audiovisual | |
| 9. STRATEGI PELAKSANAAN DASAR | 8-12 |
| 10. PENILAIAN SEMULA DASAR | 12 |
| 11. PENUTUP | 12 |

**DASAR KOLEKSI BAHAN AUDIOVISUAL
ARKIB NEGARA MALAYSIA**

1. TUJUAN

Dasar ini adalah untuk memastikan rekod negara yang bernilai kebangsaan dan sejarah dalam bentuk audiovisual diperolehi, diurus secara sistematik dan disimpan kekal di Arkib Negara Malaysia untuk kegunaan generasi kini dan akan datang.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Bahan audiovisual adalah sebahagian daripada khazanah warisan negara yang tersimpan sebagai koleksi Arkib Negara yang boleh dirujuk oleh penyelidik. Ianya juga merupakan sumber sejarah dan budaya negara, yang melambangkan pencapaian seni kreativiti negara dan juga refleksi peranan dan perkembangan media audiovisual di Malaysia.
- 2.2 Pengumpulan bahan audiovisual di Arkib Negara bermula se awal tahun 1963, namun tumpuan hanya diberikan pada tahun 1982 apabila Jabatan ini mempunyai bangunannya sendiri di Jalan Duta, Kuala Lumpur.
- 2.3 Peranan Arkib Negara dalam pengurusan rekod awam telah diketahui umum, walau bagaimanapun tumpuan terhadap bahan audiovisual adalah kurang diberi perhatian. Sehubungan dengan itu, Arkib Negara terus memperluaskan kerja-kerja perolehan dan pemeliharaan bahan audiovisual untuk membangunkan sumber maklumat negara secara berterusan.
- 2.4 Penubuhan Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Audiovisual Negara yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 14 Julai 1999 merealisasikan harapan Arkib Negara dalam memperluaskan perolehan

dan pemeliharaan bahan audiovisual sama seperti rekod dalam bentuk kertas. Bangunan pusat ini mula dibina pada tahun 2008 dan siap sepenuhnya pada 17 Disember 2009. Melalui pusat ini, Arkib Negara dapat memastikan proses pengumpulan, perolehan, pemprosesan, pemeliharaan, pemuliharaan, penyalinan dan penyimpanan bahan audiovisual daripada pelbagai sumber dapat dilaksanakan dengan lebih aktif dan profesional.

- 2.5 Seksyen Arkib Pandang Dengar yang bertanggungjawab khusus bagi mengendalikan bahan audiovisual di Arkib Negara, telah ditubuhkan pada Februari 2009, melalui penstrukturkan semula Jabatan. Pewujudan seksyen ini adalah bagi memastikan bahan audiovisual dapat didokumentasi dan dipelihara dengan lebih berkesan dan profesional.

3. PENYATAAN DASAR

Arkib Negara Malaysia komited untuk mengesan, memperolehi dan memelihara bahan audiovisual yang bernilai kekal sebagai khazanah warisan negara dan tersedia untuk rujukan.

4. SKOP DASAR

Dasar ini terpakai dalam semua aspek pengurusan koleksi audiovisual di Arkib Negara Malaysia .

5. OBJEKTIF DASAR

Objektif Dasar adalah untuk :

- (i) Memastikan bahan audiovisual yang bernilai kekal diperolehi secara berterusan.
- (ii) Memastikan pengurusan koleksi audiovisual yang merupakan khazanah warisan negara dilaksanakan dengan sistematik dan profesional.
- (iii) Memastikan pemeliharaan bahan audiovisual negara berterusan untuk kegunaan generasi kini dan akan datang.
- (iv) Memastikan bahan audiovisual mudah diakses dan dapat dikesan dengan cepat secara berterusan.

6. DEFINISI

‘Bahan Audiovisual’ ertinya:

- (i) gambar pegun, imej bergerak dan/atau bunyi yang dirakamkan di dalam filem, pita magnetik, cakera atau lain-lain medium yang digunakan pada masa kini dan akan datang termasuk bahan sokongannya.
- (ii) Bahan sokongan bahan audiovisual adalah merangkumi objek, bahan dan sebagainya yang mempunyai hubungan langsung dan/atau tidak langsung dengan media tersebut sama ada dari segi teknikal, industri, kebudayaan, sejarah dan sebagainya. Contoh, bahan sokongan filem adalah seperti skrip, gambar, poster, bahan promosi, manuskrip, artifak dan kostum.

7. PUNCA KUASA

Dasar Koleksi Bahan Audiovisual disediakan selaras dengan keperluan dan mandat yang terdapat dalam :

A. Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]:

- i. Seksyen 7(c) : Fungsi Ketua Pengarah
memperoleh rekod dan bahan yang pada pendapat Ketua Pengarah adalah atau mungkin mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya;
- ii. Seksyen 31 : Pemerolehan bukan rekod awam;
Ketua Pengarah boleh memperoleh apa-apa rekod yang bukan rekod awam yang pada pendapatnya adalah atau mungkin mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya.
- iii. Seksyen 32 (1) : Penyerahsimpanan rekod
Semua rekod yang dikehendaki di bawah Akta ini supaya pindahkan atau diserah simpan di Arkib Negara atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah
- iv. Seksyen 41 : Bahan yang hendak diserah simpan di arkib menteri dan arkib memorial;
 - (a) dalam arkib menteri, segala rekod menteri yang berkaitan dan apa-apa bahan atau objek lain yang diperuntukkan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; atau
 - (b) dalam arkib memorial, segala arkib memorial yang berkaitan dan apa-apa bahan atau objek lain yang diperuntukkan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain.

B. Kertas Jemaah Menteri No.410/2179/99

Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 14 Julai 1999 :

- (i) penubuhan Pusat Pendokumentasian dan Pemeliharaan Rekod-Rekod Pandang Dengar Negara;
- (ii) pembinaan sebuah bangunan khas bagi tujuan pemeliharaan Rekod-Rekod Pandang Dengar;
- (iii) Arkib Negara Malaysia diberi tanggungjawab mentadbir dan mengurus Pusat Pendokumentasian dan Rekod-Rekod Pandang Dengar.

C. Akta Hakcipta 1987 (Pindaan 1997)

- i) Bahagian II, Peruntukan-Peruntukan Am

Seksyen 12. : Jika hakcipta bagi mana-mana karya adalah terletakhak pada Kerajaan, Kementerian atau Jabatan yang berkaitan dengan hakcipta itu hendaklah bertanggungjawab atas pentadbiran dan kawalan hakcipta tersebut bagi pihak Kerajaan:

Dengan syarat bahawa Kementerian atau Jabatan berkenaan boleh memberi kuasa kepada Pengarah Arkib Negara untuk mentadbir dan mengawal hakcipta tersebut bagi pihak Kerajaan.

- ii) Bahagian III, Kuasa dan jangkamasa hakcipta

Seksyen 13(i): apa-apapun penggunaan sesuatu karya dengan atau di bawah arahan atau kawalan Kerajaan oleh Arkib Negara atau mana-mana Arkib Negeri, oleh Perpustakaan Awam dan institusi

pelajaran, sains dan professional sebagaimana ditetapkan oleh Menteri melalui perintah, jika penggunaan sedemikian adalah untuk kepentingan awam dan bersesuaian dengan amalan yang wajar dan peruntukan mana-mana peraturan; dan

- (i) tiada keuntungan didapati daripadanya; dan
- (ii) tiada bayaran masuk dikenakan bagi penyampaian jika ada kepada awam karya yang digunakan sedemikian;

8. KOMPONEN DASAR

Dasar Koleksi Bahan Audiovisual ini terdiri daripada:

(i) Teras Dasar 1: Pembangunan Koleksi Bahan Audiovisual

Memastikan pelaksanakan pembangunan bahan audiovisual untuk dipelihara dan disimpan sebagai khazanah warisan negara. Ia meliputi proses pengesanan, pemilihan, penilaian, perolehan, pemindahan dan pelupusan. Keutamaan terhadap pembangunan bahan ini perlu diberikan kepada bahan audiovisual yang dihasilkan di Malaysia atau mengenai Malaysia, sama ada dihasilkan oleh agensi Kerajaan, pihak swasta atau orang perseorangan yang merupakan warganegara atau bukan warganegara Malaysia.

(ii) Teras Dasar 2: Pengurusan Koleksi Bahan Audiovisual

Memastikan semua bahan audiovisual yang tersimpan di dalam koleksinya diurus dengan terancang bagi memastikan ketahanan bahan agar dapat digunakan secara berterusan. Dasar ini juga, mencakupi

aktiviti pemprosesan, kawalan stok, kawalan intelektual dan penyimpanan bahan.

(iii) Teras Dasar 3 : Pemeliharaan Bahan Audiovisual

Memastikan pemeliharaan bahan audiovisual yang merangkumi prinsip, kaedah, teknik, prosedur dan amalan yang perlu untuk mengekalkan integriti bahan, kestabilan kandungan bahan, keselamatan tempat dan persekitaran ruang penyimpanan.

(iv) Teras Dasar 4 : Pengaksesan Bahan Audiovisual

Memastikan koleksi bahan audiovisual dapat diakses dan dirujuk untuk tujuan kajian dan penyelidikan tertakluk kepada apa-apa syarat, sekatan atau tatacara yang ditetapkan.

(v) Teras Dasar 5 : Pembangunan Sumber Manusia

Memastikan tenaga kerja yang mengurus dan mengendalikan bahan audiovisual adalah terlatih dan kompeten.

9. STRATEGI PELAKSANAAN DASAR

Bagi memastikan dasar ini dilaksanakan, strategi berikut telah ditetapkan:

(i) Teras Dasar 1 :Pembangunan Koleksi

Strategi : Memantapkan perolehan koleksi bahan audiovisual secara menyeluruh, agresif dan proaktif.

Kaedah pelaksanaan : (i) Memperluaskan skop sumber bahan dan jenis bahan meliputi rekod awam dan rekod persendirian dari dalam dan luar negeri.

(ii) Mempergiatkan aktiviti pengesanan, penilaian dan pemindahan bahan secara terancang dan berterusan.

(iii) Memperolehi peralatan dan mendapatkan kebenaran membuat rakaman *off air* dari stesen-stesen penyiaran

(iv) Mempertingkatkan penghasilan rakaman dan pendokumentasian program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Arkib Negara.

(v) Meningkatkan promosi dan hebahan melalui pameran, media massa dan program kerjasama dengan pelbagai pihak.

(ii) Teras Dasar 2 : Pengurusan Koleksi

Strategi : Menguruskan koleksi bahan audiovisual secara sistematik dan terancang.

Kaedah pelaksanaan : (i) Melaksanakan semua proses kerja penerimaan, penyusunan dan deskripsi bahan audiovisual mengikut standard, prosedur dan panduan yang ditetapkan.

- (ii) Menyediakan kawalan intelektual dan fizikal yang lengkap bagi koleksi bahan audiovisual.
- (iii) Mengadakan jaringan kerjasama dan perkongsian pintar dengan institusi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- (iv) Menggunakan teknologi dan kaedah terkini dalam pengurusan koleksi bahan audiovisual.

(iii) Teras Dasar 3 : Pemeliharaan Koleksi

Strategi : Menggunakan kaedah pemeliharaan secara menyeluruh bagi memastikan keselamatan bahan audiovisual terpelihara.

Kaedah pelaksanaan : (i) Melaksanakan pemeliharaan preventif bagi memastikan ketahanan bahan audiovisual ke tahap maksima.

- (ii) Memastikan kelengkapan dan peralatan pemeliharaan bahan audiovisual diselenggarakan secara berkala.
- (iii) Merancang dan melaksanakan pemindahan dan penyalinan kandungan bahan audiovisual ke format dan media yang lebih stabil melalui proses migrasi dari semasa ke semasa.
- (iv) Menyediakan salinan rujukan dan keselamatan bahan audiovisual.

(v) Melaksanakan pemuliharaan bahan audiovisual mengikut standard dan spesifikasi yang ditetapkan.

(vi) Menyediakan Pelan Pencegahan, Tindakan dan Pemuliharaan Bencana bagi bahan audiovisual di bangunan PPPAV.

(iv) Teras Dasar 4 : Pengaksesan Koleksi

Strategi : Menyediakan kemudahan akses kepada bahan audiovisual secara berkesan dan meluas.

Kaedah pelaksanaan : (i) Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan rujukan dan akses yang cepat dan berkualiti kepada penyelidik dan pengguna melalui capaian *online* dan sebagainya.

(ii) Meningkatkan akses dan penggunaan bahan audiovisual secara meluas dan berkesan melalui tayangan, pameran, ceramah, seminar dan jalinan kerjasama dengan institusi dan pertubuhan dalam dan luar negara.

(vi) Teras Dasar 5 : Pembangunan Sumber Manusia

Strategi : Memastikan tenaga kerja yang menguruskan bahan audiovisual mempunyai pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang diperlukan.

Kaedah pelaksanaan : (i) Memberi keutamaan pengambilan tenaga kerja baru yang mempunyai pengkhususan dalam bidang berkaitan.

(ii) Mengenalpasti dan menyediakan latihan kemahiran yang sesuai untuk memastikan tenaga kerja mendapat latihan secukupnya dalam bidang berkaitan secara berterusan.

(iii) Memberi keutamaan penempatan kepada tenaga kerja terlatih dalam bidang audiovisual ditempatkan di PPPAV.

10. PENILAIAN SEMULA DASAR

Dasar ini akan dikemaskini pada setiap 5 tahun atau mengikut keperluan semasa.

11. PENUTUP

Dasar Koleksi Bahan Audiovisual Arkib Negara Malaysia diharapkan dapat menjadi asas dalam pengurusan dan pengendalian koleksi bahan audiovisual negara.

SUMBER RUJUKAN :

1. Arkib Negara Malaysia, Dasar Pengurusan Rekod Elektronik, 2005.
2. *National Film and Sound Archive,Australia, Collection Policy*, November 2005.
3. *National Archives of Australia, National Archives Recordkeeping Policy*, 2005
4. Dasar Sumber Media, Universiti Perguruan Sultan Idris, April 2007.